

Bab 9-Pelancaran dan penempatan satelit dalam orbit

Tuliskan BENAR atau PALSU untuk pernyataan berikut.

(i) Kenderaan pelancar ialah kenderaan yang digunakan untuk menghantar satelit ke angkasa dengan menggunakan roket.	
(ii) Hanya terdapat satu cara untuk menempatkan kenderaan pelancar ke dalam orbit.	
(iii) Kenderaan pelancar tidak boleh ditempatkan secara terus mengikut satu garis lurus.	
(iv) Kenderaan pelancar yang diguna semula (RLV) boleh digunakan untuk (beberapa kali).	

Perbezaan antara ELV dan RLV:

<u>ELV(Expendable launch vehicle)</u>	<u>RLV (Reusable Launch Vehicle)</u>
Tidak boleh diguna semula	_____ diguna semula
Kos misi lebih _____	Kos misi lebih rendah
Contoh: Saturn V, Delta, Atlas	Contoh: Falcon-9, Falcon Heavy

Kesan perkembangan pesat dalam Teknologi Angkasa Lepas

Antara yang berikut, yang manakah merupakan contoh bahan buangan di angkasa lepas? Pilih jawapan yang betul.

Satelit yang tidak berfungsi	Bahagian kenderaan pelancar yang telah digunakan
Roket yang habis dibakar	Sisa makanan angkasawan

Pilih BENAR atau PALSU pada pernyataan berikut.

(i) Satelit semula jadi merupakan satu contoh bahan buangan angkasa.	(BENAR /PALSU)
(ii) Satelit cuaca boleh mengubah orbitnya untuk mengelakkan perlanggaran dengan bahan buangan angkasa.	(BENAR /PALSU)
(iii) Bahan buangan angkasa tidak akan mempengaruhi satelit.	(BENAR /PALSU)
(iv) Peningkatan bahan buangan angkasa akan meningkatkan perlanggaran satelit dengan bahan buangan angkasa.	(BENAR /PALSU)